

# Pandemik beri peluang terbaik beralih ke IR4.0

**Dr Teow Yeit Haan**



*Pensyarah Kanan, Pusat Penyelidikan Teknologi Proses Mampai (CESPRO), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*

**Kehidupan** rakyat Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fasa selanjutnya yang lebih 100 hari mengalami perubahan ketara. Rakyat terpaksa mengubah gaya hidup dan menyesuaikan diri dengan normal serta kelaziman baharu.

Tempoh PKP yang lama di negara mahupun di seluruh dunia mendorong manusia untuk menyedari koordinasi dan komunikasi tradisional secara bersempena bukan lagi satu-satunya model untuk menjalani aktiviti kehidupan, malah tidak berdaya ketika wabak ini.

Ekonomi dunia bermula mengalami transformasi. Kemahi-

ran dan kepakaran baharu, terutama dalam bidang teknologi maklumat amat diperlukan sebagai cara baharu untuk menjalankan perniagaan, melakukan tugas kerja, mengadakan pengajaran dan pembelajaran, mengekal hubungan sosial dan berinteraksi melalui aplikasi maya, melakukan aktiviti harian seperti perbankan, pembelian dalam talian yang dapat membolehkan kita terus bergerak maju.

Ini menjadi pengalaman baharu bagi seluruh dunia, terutama bagi negara membangun seperti Malaysia. Kita seolah-olah beralih ke alam yang baharu dengan model tradisional berubah kepada sistem digital.

Sebagai contoh, perkhidmatan kesihatan yang mengalami kehangatan kemudahan dan tenaga bekerja ketika wabak ini berubah model operasi dengan memperkenalkan perkhidmatan perubatan maya. Sistem pendidikan menjadi lebih anjal dan senang dengan penggunaan platform digital dan mencapai pembelajaran tanpa sempadan.

Menurut Kementerian Perdaga-

ngan Antarabangsa dan Industri (MITI), Malaysia kini berada antara industri 2.0 yang berdasarkan pengeluaran secara besar-besaran dan industri 3.0 yang menyepadukan automasi dalam proses dan pembuatan.

Pada 19 Ogos 2019, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang, Muhamed Ali Hajah Mydin menyatakan sektor industri di negara ini tidak bersedia untuk penjelmaan industri ke industri 4.0

**Banyak antara kita menyedari kepentingan telekomunikasi dan penggunaan platform digital untuk mencipta nilai dan meneruskan kehidupan harian.**

yang hanya 15 hingga 20 peratus di negara ini yang berada dalam proses peralihan.

Krisis sedunia ini seolah-olah memainkan peranan merangsang sektor industri untuk melangkah ke revolusi digital dengan menyepadukan perniagaan dan penggunaan teknologi seperti Internet untuk Segalanya (IoT).

Pengurusan kerja dari jarak jauh, komunikasi tanpa sempadan, perlakuan aktiviti ekonomi dan produktiviti melalui pengurusan automasi dapat dilakukan tanpa sempadan antara fizikal, biologi serta digital. Hal ini secara tidak langsungnya memberi pengaruh positif untuk merealisasikan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Ia menjadi peralihan yang pantas yang sebelum PKP, kebanyakan sektor industri di negara ini masih tidak bersedia menerima perubahan ke IR4.0 mahupun tidak dilengkapi kemahiran dan kepakaran dalam bidang teknologi maklumat.

Namun, dengan masa beberapa bulan, model perniagaan bertukar dengan kadar yang tidak disangka untuk menyesuaikan

keadaan semasa. Perubahan secara drastik untuk melangkah masuk ke IR4.0 tanpa persediaan yang sepenuhnya makin diterima selepas PKP yang panjang.

Banyak antara kita menyedari kepentingan telekomunikasi dan penggunaan platform digital untuk mencipta nilai dan meneruskan kehidupan harian.

Memang sukar untuk meramalakan bilakah COVID-19 ini akan berakhir. Namun, harus juga kita fikirkan, bagaimana kita kembali semula ke dunia yang pulih sepenuhnya selepas wabak ini?

Apakah selepas 'kembali ke normal,' perkembangan pesat ekonomi negara dalam jangka pendek berdasarkan penggunaan teknologi menuju ke IR4.0 ditinggalkan?

Kita seharusnya memaksimumkan dan meneruskan faedah yang terima di sepanjang tempoh ini. Wabak COVID-19 memberikan peluang kepada kita untuk beralih ke IR4.0.

Apakah kita akan merebut peluang ini dan menjadikannya kenyataan selepas COVID-19 ini berakhir?